

23/01/2002

Lesen Bank Utama dibatal jika gagal bergabung: PM

Kadir Dikoh; Faiesal Othman

KERAJAAN mungkin membatalkan lesen perbankan Bank Utama (M) Bhd (Bank Utama) jika ia gagal bergabung dengan satu daripada 10 bank teras yang sedia ada selepas tamat tempoh lanjutan untuk berbuat demikian pertengahan tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sudah memberi tempoh lanjutan enam bulan sehingga pertengahan tahun ini untuk bank yang berpangkalan di Sarawak itu mencari rakan kongsi.

"Kita beri mereka enam bulan. Jika mereka tidak dapat rakan (ketika itu), agak malang sekali...kita batalkan lesen mereka. Itu hadnya (enam bulan).

"Jika tidak dapat mencari rakan untuk bergabung, saya tidak fikir kita akan benarkan mereka beroperasi," katanya selepas merasmikan Hari Kerjaya Ke-20 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di kampus induknya di Bangi, semalam.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengambil alih lesen perbankan itu daripada Utama Banking Group Bhd (UBG), syarikat induk Bank Utama, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata: "Mungkin perlu bagi kami (kerajaan), kita akan meneliti perkara ini."

Katanya, kerajaan sudah memuktamadkan bahawa hanya akan ada 10 bank teras untuk beroperasi di negara ini dan tidak lebih daripada itu.

Malah kata beliau, kerajaan mengharapkan supaya 10 bank teras itu pun akan terus bergabung pada masa akan datang.

Mengenai hasil rundingan bagi cadangan penggabungan Utama dan RHB Bank Bhd (RHB Bank), Dr Mahathir berkata, beliau tidak fikir kedua-duanya akan bergabung.

"Saya difahamkan bahawa perbincangan (antara mereka) sudah terhenti," katanya.

Ditanya mengapa Bank Utama mendapat layanan istimewa dengan melanjutkan tempoh sehingga enam bulan lagi untuk mencari rakan kongsi, Dr Mahathir berkata, "Mungkin mereka mempunyai masalah khas."

(END)